

19hb. April, 1977

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL: 4 TAHUN 1977<sup>1</sup>**

**Laporan Harta kepada Lembaga Tatatertib**

**oleh Kakitangan Kerajaan.**

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil: 22/69 bertarikh 4hb. November, 1969, dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16/75](#) bertarikh 26hb. November, 1975 mengenai Peraturan 7, Perintah Am Bab 'D', 1969 yang menghendaki setiap kakitangan Kerajaan melapurkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan segala kepentingan yang dipegang olehnya, oleh isterinya dan oleh anak-anaknya mengenai apa-apa harta samada tanah, rumah atau pelaburan.

2. Mulai dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, maka setiap kakitangan Kerajaan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk sebarang perolehan, pemegangan atau pemunyaan harta olehnya, oleh isterinya dan oleh anak-anaknya hendaklah mengemukakan senarai harta-harta itu kepada Biro Siasatan Negara dan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk keperluan rekod.

3. Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menyampaikan arahan ini kepada semua kakitangan dalam Jabatannya dan menentukan bahawa mereka mematuhi arahan tersebut.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Setiausaha Kerajaan Negeri

(Semenanjung Malaysia).

<sup>1</sup>. Dibatalkan oleh [PP.Bil.4/81](#) berkuatkuasa pada 6.11.81.